



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. KKM **menafikan** dakwaan bahawa empat pelajar dari Mesir yang positif COVID-19 dibenarkan pulang ke negeri asal mereka, Kelantan dan sedang dirawat di hospital di negeri itu. Sehubungan itu, Ketua Pengarah Kesihatan **menjelaskan** pelajar dari luar yang dibawa pulang ke negara ini perlu menjalani ujian swab dan jika didapati positif akan dimasukkan ke wad dan diasingkan di pusat kuarantin di Melaka. Beliau **menambah** pelajar hanya dibenarkan pulang ke kampung jika ujian swab didapati negatif.
2. Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah **menafikan** dakwaan bahawa seorang kanak-kanak di Kampung Huma, Padang Hang positif COVID-19 yang dijangkiti daripada saudara yang pulang ke kampung dari Negeri Sembilan seperti yang tular di media sosial. JKN Kedah **menjelaskan** bahawa sebenarnya seorang pelajar tahfiz dari Negeri Sembilan yang pulang melawat neneknya di Alor Janggus, Alor Setar telah didapati positif COVID-19 dan kini berada dalam keadaan stabil di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar. Pejabat Kesihatan Daerah telah memberi arahan kepada kontak rapat keluarga dan saudara mara yang telah dikenalpasti untuk menjalani kuarantin di rumah sehingga keputusan ujian swab COVID-19 diperolehi.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
15 Jun 2020 | 11.00 Pagi**

